

Ramai 'berebut' jadi calon, kata naib ketua PKR K'tan

MalaysiaKini.com

31 Ogos, 2012

Oleh Salhan K Ahmad

Ketua umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka akan menyelesaikan isu calon untuk kawasan yang akan ditandingi parti itu di Kelantan dalam pilihan raya umum akan datang sewaktu kunjungannya ke negeri itu hari ini.

Anwar dijangka berbuat demikian memandangkan isu calon PKR Kelantan kini semakin mendapat perhatian di kalangan pemerhati politik negeri itu.

Mengulas perkara itu, Naib Pengerusi 1 PKR Kelantan, Mohd Makhtar Che Harun ketika dihubungi Malaysiakini menjelaskan bahawa tujuan kunjungan Anwar dengan menggunakan satu bas khas hari ini adalah bagi program sambutan Hari Kebangsaan parti itu.

Bekas setiausaha PKR negeri itu bagaimanapun mengakui bahawa isu calon berkenaan merupakan antara perkara yang menjadi tumpuan parti memandangkan semakin ramai yang berminat untuk diturunkan sebagai calon.

"Dulu susah nak cari calon tapi sekarang ramai yang berebut (untuk dicalonkan)," katanya yang menambah, perebutan itu juga berkait dengan perbincangan PKR negeri untuk membuat pertukaran dengan PAS bagi kerusi yang ditandinginya.

Pertukaran itu melibatkan kawasan parlimen Machang, yang kini diwakili Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution.

Perkara itu timbul kerana Saifuddin dikatakan tidak akan terus mempertahankan kerusi parlimen Machang tetapi sebaliknya akan kembali bertanding di Kedah.

PKR Kelantan sebelum ini dilaporkan mengemukakan cadangan untuk menyerahkan kerusi Machang kepada PAS dan sebagai gantinya akan bertanding di parlimen Bachok.

Laporan Sinar Harian pada 23 Ogos itu menyebut, pengerusi PKR Kelantan Abdul Aziz Kadir mengesahkan bahawa permohonan tersebut dikemukakan kepada PAS negeri sejak sebelum bulan Ramadan lalu.

Mengulas perkara itu, Mohd Makhtar berkata cadangan boleh dikemukakan namun PKR negeri perlu mengikut saranan PAS.

"Kita kena ikut PAS sebab parti dominan adalah PAS. Kita hanya penyokong kuat PAS di Kelantan," katanya ketika dihubungi.

Selain kerusi berkenaan, PKR juga bercadang untuk bertanding di kerusi parlimen Tanah Merah dan tiga lagi kerusi DUN – Nenggiri dan Paloh di Gua Musang serta DUN Guchil di Kuala Krai, tambah Makhtar.

Anwar juga akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin PKR negeri di Machang dan seterusnya bersama barisan pemimpin PAS di Kota Bharu, kata Makhtar lagi.

Kelantan merupakan destinasi kedua Anwar dalam program Jelajah Merdeka Rakyat menggunakan bas khas itu, yang dibiayai Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim.

Sementara itu, Khalid dalam satu kenyataan semalam, menjelaskan bahawa bas yang dihiasi dengan wajah Anwar itu disewa untuk tempoh enam bulan dan dibiayai sepenuhnya oleh beliau sendiri.

"Semua kos melibatkan bayaran kepada pemandu dan bantuan teknikal dimasukkan dalam kos sewaan itu tanpa melibatkan seorang pun kakitangan kerajaan negeri.

"Justeru, saya menasihatkan pihak tidak bertanggungjawab menghentikan fitnah dan tohmahan jahat yang menuduh bas berkenaan disewa menggunakan wang kerajaan Selangor dan wang rakyat," tambahnya.

Selain ke Kelantan, bas itu juga akan digunakan dalam program jelajah diketuai Anwar ke Pahang, Kedah, Perak dan Perlis yang dijadualkan sehingga 2 September itu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/207590>